

Tanda kecewa, tamak dan pentingkan fahaman politik lebih dari agama

ALUR SETAR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, peristiwa sembahyang dua imam di Terengganu adalah satu gejala kekecewaan perjuangan politik PAS.

"Peristiwa seperti ini adalah hasil rekaan baru pemimpin-pemimpin PAS untuk kepentingan politik mereka," ujarnya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan UMNO Bahagian Alur Setar di Tapian Gelanggang di sini.

Perdana Menteri berkata, pemimpin-pemimpin PAS mencipta perkara-perkara seperti sembahyang dua imam dan pengebumian yang berasingan hanya untuk kepentingan politik mereka.

"Mereka sanggup mem-

belakangkan agama walaupun sedar perbuatan-perbuatan itu bertentangan dengan ajaran Islam," tambah beliau.

Beliau mensifatkan golongan itu sebagai orang tamak serta mementingkan fahaman politik mereka sehingga sanggup melakukan perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Katanya, perjuangan mereka bukan kerana agama Islam tetapi kerana kepentingan politik.

"Mereka sanggup melakukan apa saja asalkan dapat sokongan rakyat khususnya masyarakat kampung untuk menjadi wakil rakyat dan membentuk kerajaan," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, golongan tersebut begitu taksuf dengan fahaman politik mereka sehingga sanggup memperalatkan agama bagi mencapai cita-cita dan kepentingan mereka.

Perdana Menteri kluat perkara-perkara seperti sembahyang dua imam akan merebak sekiranya tidak dibendung dan diambil tindakan yang berkesan.

Oleh NAZAR ABDUL

Beliau menggesa ahli-ahli UMNO melipatgandakan usaha menyedarkan rakyat khususnya masyarakat Islam tentang pentingnya perpaduan di antara mereka.

Katanya, mereka janganlah lupa bahawa kejayaan mendapatkan kemerdekaan adalah hasil dari perpaduan rakyat khususnya orang-orang Melayu.

Menurutnya, tindakan dan usaha memecahbelahkan umat adalah gejala-gejala tidak menghargai nikmat kemerdekaan yang dicapai melalui perpaduan dan penyatuan rakyat.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan nikmat kemerdekaan akan hilang jika rakyat tidak menghargai serta memeliharanya dengan mengelak perpecahan di kalangan mereka.

Bagaimanapun tambahnya, ada pula orang berpendapat perpaduan itu tidak penting dan

kemerdekaan akan kekal selama-lamanya.

Mengenai kemelesetan ekonomi dunia sekarang, Perdana Menteri menegaskan bahawa setiap masyarakat hendaklah sanggup mengamalkan sikap berjimat-cermat.

Beliau yakin jika rakyat sanggup mengamalkan sikap demikian negara akan mencapai kebahagiaan yang cemerlang.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Kubang Pasu di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim di Jenan kira-kira 20 km dari sini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata sistem demokrasi jika salah digunakan boleh mengancam dan meruntuhkan.

"Sistem demokrasi di negara kita membolehkan suara sumbang dari parti pembangkang berleluasa dan mempengaruhi rakyat," tambahnya.

Beliau berkata rakyat perlu mengawasi golongan itu supaya mereka tidak dibiarkan merosakkan negara.